

03 JAN 2001

Shahidan-Tersusun

SHAHIDAN DAKWA MODAL JADI PUNCA KEGAGALAN PROJEK KAMPUNG TERSUSUN

KANGAR, 3 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim mendakwa kegagalan projek ekonomi Kampung Tersusun Batu 20 dekat sini berpunca daripada peruntukan modal yang kecil.

Katanya kampung itu sepatutnya menjadi contoh kerana mempunyai kemudahan asas yang sempurna malah para penduduknya ditawarkan hakmilik bagi setiap lot kediaman mereka.

"Apa lagi yang kerajaan negeri tidak salurkan untuk mereka," katanya kepada para pemberita ketika diminta mengulas kemelut kemiskinan yang dihadapi oleh kebanyakan penduduk Kampung Tersusun Batu 20 hari ini.

Baru-baru ini, Menteri Pertanian Datuk Mohamed Effendi Norwawi melawat kampung itu selepas masalah kemiskinan penduduk kampung itu dikemukakan kepada kabinet oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid.

Lawatan itu membuka harapan baru kepada para penduduk yang sebelumnya mendakwa kegagalan beberapa projek ekonomi menyebabkan kemiskinan gagal dipisahkan daripada kehidupan mereka.

Shahidan berkata program halacara baru yang dilaksanakan di kampung itu sejak 1984 sepatutnya membuahkan hasil tetapi modal merupakan masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi pelaksana.

Menurutnya jika modal yang berterusan turut diperuntukkan bagi menjayakan projek ekonomi di kampung itu, sudah pasti ia dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Mengenai arahan kabinet supaya projek pembangunan ekonomi kampung itu dikaji semula, Shahidan berkata "keputusan kabinet adalah sama seperti keputusan kerajaan negeri."

Menurutnya kerajaan negeri tidak mahu mereka terus dicengkam kemiskinan meskipun kerajaan negeri telah cuba membawa mereka keluar daripada belunggu itu.

"Yang penting sekarang ialah kajian semula projek pembangunan itu harus disusuli dengan modal dan komitmen penduduknya," katanya.

Kampung Tersusun Batu 20 diwujudkan pada 1984 dengan menempatkan 84 keluarga yang sebelumnya tinggal secara berselerak di kawasan rezab padang ragut milik Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) yang terletak berhampiran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan kampung berkenaan pada 1986.

-- BERNAMA

AD LAT